



GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI ATAS PERBELANJAAN FAEDAH/KEUNTUNGAN KENA DIBAYAR KEPADA BANK ATAU INSTITUSI KEWANGAN DALAM TEMPOH MORATORIUM

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan (GP) ini bertujuan menerangkan layanan cukai atas perbelanjaan faedah/ keuntungan kena dibayar kepada bank atau institusi kewangan dalam tempoh moratorium yang dituntut oleh peminjam individu, perusahaan kecil sederhana (PKS) dan pelanggan korporat yang mempunyai punca pendapatan perniagaan atau bukan perniagaan (pendapatan sewa) daripada sumber pinjaman tersebut.
- 1.2 Moratorium adalah salah satu langkah bantuan Kerajaan yang diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Ianya adalah tawaran penangguhan atau penggantungan sementara obligasi pembayaran balik pinjaman/pembiayaan (pokok dan faedah/keuntungan) oleh bank atau institusi kewangan tanpa pengenaan caj bayaran lewat dan pinjaman/pembiayaan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 1.3 Pemberian moratorium adalah bertujuan membantu peminjam yang menghadapi kekangan dan kesulitan kewangan dalam menempuh cabaran berikutan penularan pandemik Covid-19.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1.4 Moratorium dilaksanakan secara automatik bagi peminjam individu dan perusahaan kecil sederhana (PKS) manakala pelanggan korporat boleh memohon penangguhan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan daripada bank atau institusi kewangan yang berkenaan.

1.5 Tempoh moratorium yang diberikan oleh bank atau institusi kewangan adalah mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

**2. KRITERIA PEMINJAM DAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN KEWANGAN BAGI
PEMBERIAN MORATORIUM**

Peminjam	Peminjam adalah terdiri daripada pelanggan bank atau institusi kewangan seperti berikut: i) Pelanggan individu; ii) PKS berdasarkan definisi yang telah ditetapkan oleh SME Corporation Malaysia; dan iii) Pelanggan korporat.
Pinjaman/Pembiayaan Kewangan	i) Bagi pelanggan individu dan PKS, semua jenis pinjaman/pembiayaan konvensional atau Islamik (kecuali kemudahan kad kredit) yang memenuhi kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none">• di dalam denominasi Ringgit Malaysia;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	<ul style="list-style-type: none">• tidak mempunyai tunggakan selama lebih dari 90 hari pada 1 April 2020;• pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan setakat 1 April 2020; dan• diberikan moratorium bermula 1 April 2020 hingga 30 September 2020. <p>ii) Bagi pelanggan korporat, semua jenis pinjaman/pembiayaan diberikan moratorium yang memenuhi kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• di dalam denominasi Ringgit Malaysia;• tidak mempunyai tunggakan selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020;• pinjaman yang belum dijelaskan setakat 1 April 2020; dan• diberikan moratorium bermula 1 April 2020 hingga 30 September 2020.
--	--

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**3. LAYANAN CUKAI BAGI PERBELANJAAN ATAS FAEDAH/KEUNTUNGAN
KENA DIBAYAR**

Secara prinsipnya, bagi pinjaman yang diberikan moratorium oleh bank atau institusi kewangan, faedah/ keuntungan atas pinjaman/pembiayaan hanya kena dibayar selepas tempoh moratorium tamat.

3.1 Subseksyen 33(4) ACP memperuntukkan bahawa tuntutan perbelanjaan faedah/ keuntungan boleh dibuat pada masa amaun faedah/ keuntungan tersebut kena dibayar (due to be paid) atau apabila tanggungan untuk membayar telah wujud dan bukannya pada masa amaun faedah/ keuntungan itu terakru dan boleh dibayar (payable). Ini bermaksud sekiranya faedah/ keuntungan tidak dibayar oleh peminjam pada tarikh faedah/ keuntungan kena dibayar, perbelanjaan tersebut masih boleh dituntut dan dibenarkan sebagai perbelanjaan perniagaan dalam mengira pendapatan larasan bagi tahun taksiran faedah/ keuntungan tersebut terakru.

3.2 Merujuk kepada perenggan 3.1, Ketetapan Umum (KU) No. 4/2020, 'hutang' bermaksud satu hutang dalam suatu jumlah tertentu sama ada ianya 'genap masanya' atau 'genap masanya dan kena dibayar'. Tarikh atau tempoh bayaran menjadi genap masanya (due) atau genap masanya dan kena dibayar (due to be paid) bagi faedah/keuntungan moratorium adalah berdasarkan kepada perjanjian pinjaman/pembiayaan kewangan yang masih berkuatkuasa.

3.3 Perbelanjaan faedah/keuntungan yang kena dibayar kerana telah genap masanya merupakan perbelanjaan yang layak mendapat potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP kerana tanggungan untuk membayar amaun faedah/ keuntungan telah wujud pada tarikh ianya kena dibayar dan ini adalah selaras

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dengan maksud 'kena dibayar' (due to be paid) di bawah subseksyen 33(4) ACP dan turut diterangkan dalam perenggan 4.3 KU No. 9/2015 yang telah dikeluarkan kepada umum.

3.4 Oleh yang demikian, dalam tempoh moratorium, perbelanjaan faedah/keuntungan yang ditangguhkan bayaran dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan seseorang pada masa amaun faedah/keuntungan tersebut kena dibayar. Tuntutan perbelanjaan tersebut akan dibenarkan sebagai potongan bagi tahun taksiran faedah/keuntungan itu terakru. Ini adalah selaras dengan pemakaian peruntukan di bawah subseksyen 33(4) ACP.

Sebagai contoh, Ismi membeli sebuah rumah di Bandar Baru Bangi dan rumah tersebut disewakan kepada Iman. Pembelian rumah tersebut dibiayai oleh pinjaman bank. Tarikh ansuran kena dibayar kepada pihak bank adalah pada 30hb setiap bulan.

Dalam tempoh moratorium iaitu mulai April hingga September 2020, bayaran ansuran bulanan termasuk amaun faedah yang dikenakan oleh pihak bank tidak perlu dibayar pada tarikh kena dibayar kerana penangguhan diberikan oleh pihak bank.

Walaupun ansuran termasuk amaun faedah tidak dibayar pada tarikh kena dibayar, Ismi masih boleh menuntut perbelanjaan faedah dalam mengira pendapatan larasan sewa bagi tahun taksiran penangguhan bayaran dibenarkan oleh pihak bank.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3.5 Sekiranya terdapat pindaan terhadap perjanjian pinjaman/pembiayaan berhubung dengan ‘tarikh faedah/ keuntungan kena dibayar’ atau ‘jumlah faedah/ keuntungan kena dibayar’ selepas tempoh moratorium tamat, pelarasan yang sewajarnya perlu dibuat oleh pembayar cukai bagi memastikan tuntutan adalah betul dan teratur.

3.6 Sehubungan dengan itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) boleh melakukan semakan audit untuk memastikan tuntutan potongan perbelanjaan faedah/ keuntungan yang dibenarkan adalah amaun faedah/keuntungan atas pinjaman/pembiayaan yang terakru dalam tempoh moratorium tersebut.

4. SENARIO KES DALAM TEMPOH MORATORIUM

4.1. Pelanggan individu memiliki pendapatan sewa

Encik Muhammad memiliki sebuah rumah banglo yang disewakan di Taman Persiaran Rimba, Cyberjaya, Selangor pada tahun 2019. Beliau membeli rumah tersebut melalui pinjaman perumahan secara konvensional sebanyak RM1,000,000 dengan Bank Amanah Bersatu Berhad (BABB) pada 15 Januari 2015. Tempoh pinjaman adalah selama 15 tahun pada kadar faedah 3.5% setahun. Faedah yang dikenakan oleh bank adalah terakru sama rata sepanjang tempoh pinjaman.

BABB memberikan tempoh moratorium mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020 secara automatik kepada semua pelanggan individu bank selaras dengan arahan Kerajaan.

Encik Muhammad menyediakan Penyata Pendapatan Sewa bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan melaporkan pendapatan sewa bersih kepada LHDNM seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Penyata Pendapatan Sewa bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Sewa diterima		84,000
(-) Belanja sewa		
Caj selenggara	6,000	
Faedah atas pinjaman		
1 Januari – 31 Mac	8,750	
*1 April – 30 September	*17,500	
1 Oktober – 31 Disember	8,750	
Cukai tanah & pintu	18,500	
Belanja pelbagai	3,300	
Jumlah belanja sewa		62,800
Sewa bersih		21,200

Layanan percukaian atas perbelanjaan faedah bagi tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

- i) Faedah yang terakru (dalam tempoh moratorium) merupakan perbelanjaan yang genap masa serta kena dibayar (due to be paid) dalam tahun taksiran 2020. Oleh itu, perbelanjaan faedah ini memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 33(4) ACP.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ii) Keseluruhan perbelanjaan faedah atas pinjaman mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 sebanyak RM35,000 boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP bagi tahun taksiran 2020 kerana tanggungan untuk membayar telah wujud pada tarikh kena dibayar.

4.2. Pelanggan korporat memohon moratorium, tempoh bayaran pembiayaan dilanjutkan dan tempoh perakaunan berakhir 31 Disember.

Ilham Fresh Sdn Bhd (IFSB) menjalankan perniagaan barangan runcit sejak tahun 2017. Pada tahun 2019, IFSB membuat pembiayaan sebanyak RM120,000 dengan Bank Juta Ria Berhad (BJRB) secara Islamik untuk tempoh selama 10 tahun bagi menambah modal perniagaan syarikat. Akaun syarikat disediakan dan ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

IFSB memohon penangguhan bayaran pinjaman (moratorium) dan BJRB meluluskan tempoh penangguhan bayaran mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Tempoh tambahan bayaran balik pembiayaan selama 6 bulan diberikan kepada IFSB bagi menjelaskan keseluruhan pembiayaan tersebut di mana ansuran bulanan tidak berubah.

IFSB tidak membuat sebarang perubahan perjanjian pembiayaan dengan pihak bank berhubung tarikh kena dibayar dan jumlah kena dibayar selepas tempoh moratorium.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Penyata bank bagi tahun 2020 bagi IFSB adalah seperti berikut:

Bulan	Kadar keuntungan (RM)	Bayaran ansuran bulanan (RM)	Baki pembiayaan (RM)
Baki 1/1/2020			94,746.38
Januari	388.16	-2,278.00	92,856.54
Februari	340.16	-2,278.00	90,918.70
Mac	339.73	-2,278.00	88,980.43
*April	323.25		89,303.68
*Mei	309.65		89,613.33
*Jun	286.70		89,900.03
*Julai	282.84		90,182.87
*Ogos	277.35		90,460.22
*September	268.40		90,728.62
Oktober	278.91	-2,278.00	88,729.53
November	263.98	-2,278.00	86,715.51
Disember	266.39	-2,278.00	84,703.90
Jumlah	3,625.52	13,668.00	

Layanan percukaian bagi perbelanjaan keuntungan IFSB bagi tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

- i) Peruntukan di bawah subseksyen 33(4) ACP dipenuhi. Kadar keuntungan yang terakru (dalam tempoh moratorium) merupakan perbelanjaan yang kena dibayar dalam tahun taksiran 2020.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ii) Keseluruhan kadar keuntungan bagi tahun taksiran 2020 berjumlah RM3,625.52 (termasuk dalam tempoh moratorium) boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP dalam tahun taksiran 2020.

4.3. Pelanggan korporat memohon moratorium, tempoh bayaran balik pinjaman tidak dilanjutkan dan tempoh perakaunan berakhir selain 31 Disember.

Pak Wan dan Mak Wani menubuhkan syarikat Keluarga Jannah Sdn Bhd (KJSB) yang menjalankan perniagaan Restoran Citarasa Pantai Timur. Pada tahun 2018, KJSB membuat pinjaman dengan Bank M sebanyak RM500,000 sebagai modal perniagaan. Tempoh perakaunan KJSB berakhir pada 30 Jun setiap tahun.

Syarikat tidak dapat beroperasi dengan lancar sehingga pertengahan tahun 2020 berikutan perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dalam membendung penularan virus COVID-19. Oleh yang demikian, KJSB memohon penangguhan bayaran pinjaman (moratorium) daripada Bank M dan permohonan tersebut diluluskan.

Walau bagaimanapun, KJSB tidak memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran pinjaman dan bersetuju mengekalkan tempoh pinjaman sedia ada kerana prestasi kewangan syarikat semakin baik. Oleh itu, bayaran ansuran pinjaman akan meningkat mulai pada 1 Oktober 2020 bagi menampung bayaran yang tertangguh dalam tempoh moratorium.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Penyata bank KJSB bagi tahun taksiran 2020 seperti berikut:

Bulan	Faedah (RM)	Caj pelbagai (RM)	Bayaran ansuran bulanan (RM)	Baki pinjaman (RM)
Baki 1/1/2020				367,490.35
Januari	1,441.97		-4,000.00	364,932.32
Februari	1,431.93		-4,000.00	362,364.25
Mac	1,323.37		-4,000.00	359,687.62
*April		680.34		360,367.96
*Mei				360,367.96
*Jun				360,367.96
*Julai				360,367.96
*Ogos				360,367.96
*September	7,196.86			367,564.82
Oktober	1,039.34		-4,208.00	364,396.16
November	1,120.34	208.00	-4,208.00	361,516.50
Disember	1,110.71		-4,208.00	358,419.21
Jumlah	14,664.52	888.34	-24,624.00	

Layanan percukaian bagi perbelanjaan caj pelbagai dan faedah dalam tempoh moratorium adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- i) Perbelanjaan bagi caj pelbagai (dalam tempoh moratorium) sebanyak RM680.34 merupakan caj yang dikenakan oleh bank ke atas akaun perniagaan adalah perbelanjaan yang layak mendapat potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.
- ii) Perbelanjaan faedah (dalam tempoh moratorium) berjumlah **RM7,196.86** dikenakan oleh pihak bank **secara terkumpul** dalam bulan September 2020. Oleh kerana tempoh perakaunan KJSB berakhir pada 30 Jun setiap tahun, KJSB boleh menuntut perbelanjaan tersebut dalam tahun-tahun taksiran yang berkenaan iaitu dalam tahun 2020 dan 2021. Perbelanjaan faedah di bawah perenggan 33(1)(a) ACP boleh dituntut bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 dalam tahun taksiran 2020 sementara amaun faedah yang dikenakan bagi bulan Julai, Ogos dan September 2020 dibenarkan sebagai potongan dalam tahun taksiran 2021.
- iii) Peminjam perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak bank berhubung amaun faedah yang dikenakan bagi setiap bulan berkenaan dalam tempoh moratorium kerana jumlah faedah yang dinyatakan di dalam penyata bank adalah secara terkumpul.

4.4. Pelanggan korporat mendapat kelulusan lanjutan tempoh moratorium.

Malaysia Famili Sdn Bhd (MFSB) yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun telah mendapat pinjaman sebanyak RM5 juta daripada Bank Pasti Maju Berhad. Terma perjanjian adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh pinjaman	Amaun pinjaman (RM)	Kadar Faedah (%)	Tempoh pinjaman	Tarikh pinjaman dan faedah kena dibayar
1.1.2015	5 juta	4%	10 tahun	5hb setiap bulan

MFSB telah memohon moratorium dan mendapat kelulusan daripada pihak bank untuk tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Berikutan pengurangan operasi perniagaan selama beberapa bulan akibat pandemik Covid-19, MFSB mengalami masalah kewangan yang meruncing menyebabkan syarikat tidak dapat menjelaskan pinjaman. Pihak bank telah memberi kelulusan lanjutan tempoh moratorium mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020 kepada MFSB. Pihak bank juga mengenakan caj penalti ke atas lanjutan tempoh moratorium dan caj tersebut dipersetujui oleh MFSB.

MFSB tidak membuat sebarang perubahan perjanjian pinjaman dengan pihak bank berhubung tarikh dan jumlah pinjaman kena dibayar pada setiap bulan sehingga tempoh bayaran balik pinjaman selesai.

Pada 2 Januari 2021, MFSB telah menjelaskan kesemua tunggakan bayaran pinjaman yang terakru beserta caj penalti yang dikenakan.

Pengiraan faedah dalam tempoh moratorium:

Jumlah faedah (1 April - 30 September 2020) $4\% \times 5,000,000 \times 6/12$
=RM100,000

Jumlah faedah (1 Oktober – 31 Disember 2020) $4\% \times 5,000,000 \times 3/12$ = RM
50,000

Jumlah caj penalti penangguhan bayaran RM 500.00

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Layanan percukaian bagi perbelanjaan faedah dan caj penalti MFSB adalah seperti berikut:

- i) Perbelanjaan faedah terakru dalam tempoh moratorium dan tempoh lanjutan moratorium berjumlah RM150,000 merupakan perbelanjaan kena dibayar dalam tahun taksiran 2020 dan memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 33(4) ACP.
- ii) Perbelanjaan faedah dalam tempoh moratorium berjumlah RM150,000 boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP dalam tahun taksiran 2020.
- iii) Caj penalti sebanyak RM500 yang dikenakan oleh pihak bank adalah perbelanjaan yang tidak dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan perniagaan menurut subseksyen 39(1) ACP.

5. RUJUKAN

Rujukan berkaitan penyediaan Garis Panduan ini adalah

- a) Ketetapan Umum (KU) No. 4/2020 - Layanan Cukai atas Apa-apa Jumlah Diterima dan Hutang Yang Terhutang Yang Terbit Berhubung Perkhidmatan Yang Diberikan.
- b) Ketetapan Umum (KU) No. 9/2015 Potongan Perbelanjaan Faedah dan Pengiktirafan Pendapatan Faedah Bagi Transaksi Antara Orang Berkaitan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

6. TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

- 6.1. Pembayar cukai hendaklah menyimpan rekod dan dokumen sokongan berkaitan pendapatan dan perbelanjaan bagi tujuan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 6.2. Rekod dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,
Cyberjaya, 63000, Selangor
No. tel.: 03-83138888

Tarikh : 28 Disember 2022

s.k. : LHDN.01/35/(S)/42/51/286-42